


TAHUKAH ANDA?

♦ Terdapat lebih daripada 50 jenis permainan tradisional yang pernah dimainkan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Antara permainan yang popular di seluruh negeri ialah :

- Batu Seremban
- Ceper
- Dam Aji
- Dam Harimau
- Galah Panjang
- Getah
- Guli
- Ketingting
- Ketuk Keli
- Sabung Ayam
- Sepak Bulu Ayam
- Sorok-Sorok



Hubungi saya :
harnanijaafar@yahoo.com



OBJEKTIF PELAJARAN:

Melalui brosur ini, murid-murid dapat:

- 1) Menyatakan secara lisan, lima jenis permainan tradisional masyarakat Melayu yang popular pada zaman dahulu.
- 2) Membaca kuat teks permainan tradisional pada kadar sekurang-kurangnya 85 peratus sebutan betul.
- 3) Mengambil imlak sekurang-kurangnya tiga ayat cara bermain permainan tradisional yang terdapat di dalam brosur ini.

WARISAN MELAYU



► PERMAINAN TRADISIONAL MASYARAKAT MELAYU

CONGKAK, WAU DAN GASING



INSTITUT PERGURUAN BAHASA MELAYU MALAYSIA
(IPBMM)



► CONGKAK



Congkak sejenis permainan tradisional Melayu yang menggunakan papan kayu berlubang atau lubang di atas tanah dan buahnya daripada biji congkak, biji getah, biji guli dan lain-lain. Di utara semenanjung ianya dipanggil juga Jongkok.

Cara bermain

Dua orang pemain duduk berhadapan menghadap papan congkak, dimulakan dengan kedua-dua pemain serentak mencapai buah di kampung masing-masing dan memasukkan buah satu demi satu di dalam lubang kampung dengan pergerakan dari kanan ke kiri hingga ke rumah dan kampung lawan seterusnya memasukkan buah ke dalam kampung masing-masing.




► WAU

Teraju tiga sememangnya sinonim dengan wau, juga dikenali sebagai layang-layang di negeri-negeri sebelah pantai barat semenanjung. Sebagai permainan masa lapang bagi kalangan rakyat biasa dan golongan istana. Sejak zaman-berzaman sekitar kurun kelima belas, wau telah dimainkan oleh orang Melayu.

Cara bermain

Pada kebiasaan wau akan dimainkan oleh dua orang, iaitu seorang akan memegang wau dan seorang lagi dipanggil juru anjung yang memegang tali. Apabila angin bertiup maka tali akan ditarik melawan arus angin dengan cara menghulur dan menarik talinya sehingga wau tersebut tinggi di udara. Kilauan cahaya matahari akan menambah cantik lagi wau yang dihias berwarna-warni.



► GASING

Gasing dimainkan dengan dua cara, iaitu sebagai gasing pangkah atau gasing uri. Gasing pangkah, dimainkan dengan melemparkannya supaya mengetuk gasing lawan. Gasing uri dipertandingkan untuk menguji ketahanannya berpusing.

Cara bermain

Gasing pinang dimainkan oleh kanak-kanak. Buah pinang muda dikupaskan sabut dan kulitnya, dipangkaskan bahagian atas dan bahagian bawahnya, kemudian dicucukkan lidi buluh melalui pulurnya menjadi paksi serta pemegang gasing itu. Gasing ini boleh dilakukan atau diurikan.

